

11 NOV 1999

Khair-IT

KHAI BELAJAR IT HASIL SEMANGAT DARI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Dengan didorong semangat yang dicetuskan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam bidang teknologi maklumat, tokoh politik veteran Tan Sri Khir Johari, 76, sedang memperluaskan dirinya dengan ilmu IT selaras kemajuan negara.

Dengan IT kini semakin dikuasai rakyat Malaysia, bekas Menteri Pendidikan itu berkata beliau tidak mempunyai pilihan selain belajar kerana sesiapa yang mahu maju, perlu menguasai asas IT.

"Saya sendiri mula belajar IT, jika tidak, saya tidak dapat ikut serta memandangkan IT amat penting," kata Khir, anggota kabinet pertama negara.

Khir yang kini mengetuai beberapa pertubuhan sukarela, berkata penghargaan perlu diberikan kepada Perdana Menteri kerana mencetuskan minat dalam IT di kalangan orang ramai.

"Kita tidak pernah mendengar mengenai Koridor Raya Multimedia sebelum ini, tiba-tiba beliau membuat rakyat berminat mengenai IT sebagai inovasi baru di negara ini dan beliau juga telah melakukan pelbagai perkara yang menakjubkan," katanya.

Beliau membangkitkan perkara ini bagi menjelaskan keputusan Institut Pengarah-pengarah Malaysia (MID) bagi memberi anugerah kepada Dr Mahathir, bersama Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman, sebagai "Tokoh Abad Ini" bagi Malaysia.

Khir yang juga presiden MID berkata Dr Mahathir telah melakukan apa yang tidak pernah dilakukan oleh kebanyakan pemimpin di tempat lain terhadap negara mereka sendiri.

"Saya bukan orang yang suka 'angkat'. Saya pasti, berdasarkan penelitian saya, apa yang telah beliau lakukan adalah menakjubkan, oleh itu, kita mesti memberi penghargaan kepadanya," katanya.

Selain penghormatan sebagai "Tokoh Abad Ini", MID akan menyampaikan Anugerah Pengarah tahunan kepada Pengerusi Permodalan Nasional Berhad dan bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid pada jamuan malam di sini Sabtu ini.

-- BERNAMA

AZZ LAT MAI